

26/09/2003

Limau kasturi KPW tambah pendapatan

Mohd Amin Jalil

KUALA KLawang: Kumpulan Pengembangan Wanita (KPW) Kampung Kemin, dekat sini, berjaya menjadikan projek limau kasturi sebagai sumber pendapatan yang baik dan memberangsangkan.

Ketua KPW daerah merangkap ketua projek itu, Norian Mokhtar, berkata projek limau kasturi adalah salah satu program Satu Produk Satu Kampung (SPSK) yang disarankan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, projek itu yang dijalankan di kawasan tanah terbiar seluas kira-kira 1 hektar bermula sejak dua tahun lalu dan kini diusahakan oleh empat orang peserta.

"Pada permulaannya projek berkenaan dijalankan secara kecil-kecilan oleh 15 orang peserta tetapi selepas mendapat permintaan tinggi di pasaran dan hasil bantuan jabatan pertanian daerah dan negeri, ia berjaya ditingkatkan.

"Kemajuan projek ini amat memberangsangkan hasil bantuan pihak terbabit dan setakat ini terdapat 1,500 pokok limau kasturi ditanam di kawasan itu.

"Kini setiap peserta mampu memperolehi pendapatan sekitar RM3,000 sebulan," katanya.

Norian berkata, selain dijual terus kepada pemborong, limau kasturi itu juga diproses untuk dibuat jeruk, kordial dan beberapa jenis biskut yang kemudiannya dipasarkan di beberapa kedai runcit sekitar Jelevu dan Seremban.

Katanya, sehingga kini pihaknya sudah berjaya menghasilkan sebanyak 400 botol kordial sebulan walaupun diproses secara manual.

Beliau berkata, baru-baru ini pihaknya memperoleh bantuan RM50,000 daripada Jabatan Pertanian Daerah Jelevu sebanyak RM50,000 dan RM30,000 daripadanya digunakan untuk membeli mesin dan perkakasan, manakala selebihnya untuk menaik taraf bengkel.

"Penggunaan mesin dijangka mampu meningkatkan penghasilan produk yang kini mendapat permintaan amat menggalakkan di kalangan pengguna tempatan," katanya.